

PPIB UMS anjur program khidmat masyarakat di Kg Bundu Tuhan

DE II: 9. 2013 7

RANAU: Seramai 23 kakitangan akademik dan sokongan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program khidmat masyarakat di Kampung Bundu Tuhan, di sini, baru-baru ini.

Program tersebut yang diketuai oleh pensyarah PPIB, Prof Madya Dr Andreas Totu, diadakan selama dua hari dengan pelbagai pengisian acara melibatkan penduduk setempat.

Prof Dr Vincent Pang yang mewakili Dekan PPIB, turut mengetuai sesi dialog bersama barisan pemimpin kampung, acara sukan

dart selain program motivasi kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bundu Tuhan yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

Rombongan itu turut mengadakan gotong-royong membersihkan surau dan menyerahkan sumbangan kepada Rumah Kanak-Kanak Don Bosco.

Selain itu, rombongan PPIB juga memulakan penyelidikan merangkumi asal usul dan demografi Bundu Tuhan, mitos dan legenda, media, pendidikan, kepimpinan, biodiversiti serta potensi pelan-

congan di kampung itu.

Menurut Dr. Andreas, hasil penyelidikan tersebut akan diterbitkan dalam bentuk buku kelak dalam usaha membantu komuniti mengekalkan kekayaan warisan budaya di Kampung Bundu Tuhan.

Majlis perasmian program tersebut disempurnakan oleh Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Dr. Joachim Gunsalam.

Program selama dua hari itu turut mendapat sokongan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin serta Persatuan Graduan Bundu Tuhan.



ROMBONGAN PPIB UMS bergambar bersama warga Rumah Kanak-Kanak Don Bosco.